	(c) Gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dibuktikan; atau (d) Kewujudan dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.
Penuntut Sebenar	Seseorang yang menuntut haknya untuk mendapat keseluruhan atau sebahagian daripada Manfaat di bawah Sijil ini sebagai wasi kepada Peserta yang telah meninggal dunia, penama di bawah Hibah Bersyarat menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, ibu atau bapa atau penjaga kepada seseorang penama yang tidak berupaya dari segi undang-undang atau pemegang serah hak atau yang menuntut jika tidak dia berhak mendapat Manfaat di bawah undang-undang yang berkaitan.
Qard	Pinjaman tanpa faedah yang Kami sediakan sekiranya berlaku defisit dalam PRF.
Jadual I/ Jadual II	Jadual I dan II yang masing-masing dilampirkan kepada Sijil ini.
Lebihan	Lebihan termasuk keuntungan pelaburan daripada Dana Risiko Peserta selepas pembayaran tuntutan dan rizab. Lebihan, jika ada, dihitung dan diagihkan setiap tahun.
Tabarru'	Derma daripada sebahagian Sumbangan yang diperuntukkan kepada PRF, yang akan digunakan untuk bantuan dan pertolongan bersama dalam kalangan peserta.
Dana Takaful	Terdiri daripada PRF seperti yang dijelaskan di atas.
Pengendali Takaful/Kami	Hong Leong MSIG Takaful Berhad.
Sijil/Sijil ini	Dokumen yang terdiri daripada Sijil Asas, Penyata Maklumat Sijil dan Jadual, Lampiran dan Pengendorsan, jika ada, yang dilampirkan kepada Sijil ini.
Wakalah	Secara asasnya bermaksud hubungan ejen-prinsipal, di mana Kami bertindak sebagai ejen untuk menguruskan PRF bagi pihak Anda dan Kami memperoleh Yuran Wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan.
Yuran Wakalah	Yuran yang perlu dibayar kepada Kami sebagai balasan kepada perkhidmatan yang diberikan untuk menguruskan PRF bagi pihak Anda. Yuran Wakalah akan digunakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan berkaitan agihan.
Anda	Orang Dilindungi.

## 2. ASAS SIJIL

2.1 Sijil ini dikeluarkan mengikut cadangan yang Anda buat dan berasaskan:

- (a) jawapan yang diberikan oleh pihak Anda dalam permohonan bagi Sijil ini dan sebarang soal selidik selanjutnya yang Kami berikan berhubung dengan sebarang perkara yang berkaitan dengan permohonan Sijil ini;
- (b) sebarang pendedahan yang dibuat dan/atau maklumat yang diberikan oleh pihak Anda yang Anda perlu, pada usaha terbaik Anda mendedahkan semua maklumat yang dianggap penting bagi Kami untuk mengunderait risiko, dari penyerahan permohonan Sijil ini sehingga Tarikh Pengeluaran Sijil; dan

- (c) sebarang maklumat yang terkandung dalam mana-mana laporan perubatan dan/atau laporan lain dan soal selidik yang dihantar kepada Kami berhubung dengan Sijil ini; (seterusnya dirujuk secara bersama sebagai “Maklumat Penting”)

Maklumat Penting ini membentuk sebahagian penting daripada Sijil Takaful ini antara Anda dan Kami dan hendaklah, bersama terma dan syarat Sijil ini, membentuk seluruh Sijil antara Anda dan Kami.

Sebelum Sijil ini diubahsuai, Kami menghendaki Anda untuk menjawab apa-apa soalan atau sekiranya Anda dikehendaki mengesahkan atau meminda sebarang perkara yang Anda dedahkan sebelum ini kepada Kami berhubung dengan Sijil ini, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah munasabah agar tidak melakukan sebarang salah nyata dan mendedahkan semua Maklumat Penting tersebut apabila menjawab soalan atau mengesahkan atau meminda sebarang perkara yang didedahkan sebelum ini.

Anda mesti memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan maklumat yang diberikan kepada Kami apabila menjawab soalan atau berhubung dengan sebarang perkara yang didedahkan sebelum ini kepada Kami berhubung dengan Sijil ini jika perubahan tersebut telah berlaku selepas anda mengemukakan permohonan untuk pengubahsuaian tetapi sebelum Sijil ini diubahsuai.

Anda dikehendaki untuk memberi perhatian yang munasabah apabila menjawab soalan ketika permohonan dan/atau apabila mendedahkan maklumat secara sukarela kepada Kami. Jika maklumat yang Anda berikan adalah tidak tepat atau dibuat secara palsu, atau Kami mendapati bahawa Anda telah menyembunyikan sebarang maklumat penting, dan maklumat tersebut penting bagi Kami menentukan sama ada untuk memberikan perlindungan kepada Anda di bawah Sijil, maka Kami boleh mengambil tindakan seperti yang diperuntukkan di bawah Klausula 2.2 dan 2.3 di dalam ini.

## 2.2 Salah Nyata Sengaja atau Melulu

Sekiranya Kami menemui sebarang kenyataan, dokumen, maklumat berhubung dengan Sijil ini yang tidak benar, mengelirukan atau disembunyikan daripada kami (“Salah Nyata”):

- (a) telah dibuat secara melulu atau sengaja; dan
- (b) adalah relevan kepada Kami kerana sekiranya maklumat didedahkan dengan sewajarnya kepada Kami, ia akan mengakibatkan:
  - (i) Keengganan Kami untuk mengeluarkan Sijil ini; atau
  - (ii) Kami mengenakan terma berbeza kepada Anda.

Maka, Kami boleh memilih sama ada (a) untuk mengelakkan Sijil atau (b) mengelakkan sebarang Manfaat dalam Sijil, yang mana berkenaan. Jika Kami memilih untuk mengelakkan Sijil, Kami akan memulangkan jumlah Sumbangan yang dibayar kepada Anda.

## 2.3 Salah Nyata Cuai atau Ikhlas

Jika Salah Nyata adalah:

- (a) cuai atau ikhlas; dan
- (b) jika keadaan atau kenyataan dibuat dengan betul atau tepat kepada Kami pada Tarikh Permulaan Sijil; dan
  - (i) Akibatnya, Kami sepatutnya tidak mengeluarkan Sijil sejak dari mula lagi, maka Kami boleh membuat keputusan untuk mengelakkan Sijil dan menolak sebarang tuntutan di bawahnya seolah-olah Kami tidak pernah mengeluarkan Sijil. Jika Kami mengelakkan Sijil ini, Kami akan memulangkan jumlah Sumbangan yang dibayar

kepada Anda;

ATAU

- (ii) Akibatnya, Kami sepatutnya mengeluarkan atau memperbaharui Sijil tetapi atas terma yang berbeza, maka Kami boleh memilih untuk mengenakan terma yang berbeza tersebut dalam Sijil dan terma tersebut boleh diguna pakai secara retrospektif dari Tarikh Permulaan Sijil seolah-olah Sijil atau Manfaat dikeluarkan dengan terma tersebut;

ATAU

- (iii) Akibatnya, Kami sepatutnya mengeluarkan atau memperbaharui Sijil tetapi dengan sumbangan atau Tabarru' yang lebih tinggi maka Kami boleh mengurangkan secara berkadar Manfaat yang perlu dibayar daripada Dana Risiko Peserta berdasarkan kiraan berikut:

$$\frac{\text{Sumbangan sebenar yang dikenakan}}{\text{Sumbangan yang sepatutnya dikenakan}} \times \text{Amaun tuntutan Sijil ini}$$

### 3. PEMBAYARAN SUMBANGAN

Sumbangan dan semua amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini perlu dibayar di Ibu Pejabat atau pejabat cawangan Kami atau melalui sebarang kaedah lain seperti yang Kami maklumkan. Resit untuk apa-apa Sumbangan atau sebarang amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini tidak akan dianggap sah melainkan dikeluarkan oleh Kami.

Anda hendaklah memastikan bahawa Sumbangan dan semua amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini telah dibayar dengan sewajarnya apabila tiba masanya. Kami tidak akan menghantar sebarang peringatan atau notis kepada Anda berkenaan sebarang Sumbangan atau sebarang amaun lain yang perlu dibayar. Bagi mengelakkan keraguan dan walau apa pun yang terkandung di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, Sumbangan dan semua amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini hendaklah dibuat atas nama HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD sahaja.

Untuk setiap Sumbangan yang diterima, Kami akan menolak Yuran Wakalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual II.

### 4. PENGURUSAN DANA TAKAFUL

#### 4.1 Dana Risiko Peserta (PRF)

Amaun Tabarru' yang boleh diubah dari masa ke masa, hendaklah ditolak ke dalam PRF berasaskan konsep Iltizam Bi Al-Tabarru' untuk memberikan Manfaat di bawah Sijil ini. Tabarru' yang dibayar berdasarkan peruntukan Sumbangan seperti yang dinyatakan dalam Jadual II adalah berdasarkan Tahun Sijil. Amaun Tabarru' untuk perlindungan Takaful di bawah Sijil Asas ini adalah berdasarkan kepada Umur, jantina, status perokok, kelas pekerjaan dan keadaan kesihatan Orang Dilindungi. Tabarru' yang dibayar meliputi Manfaat Kematian dan Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.

Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta takaful menyumbang ke dalam PRF. Baki amaun komitmen di dalam PRF selepas pembayaran tuntutan, kos berkaitan tuntutan, rizab aktuari yang berkaitan dan kos lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami, jika ada, akan dianggap sebagai Lebihan. Perkongsian Lebihan yang timbul daripada PRF adalah seperti yang dinyatakan dalam Klausula 5 Bahagian A.

Sekiranya PRF mengalami defisit, Kami akan mengatur Qard (pinjaman tanpa faedah) bagi PRF. Qard dijangka akan meningkatkan tahap tunai PRF. Qard akan dibayar balik hanya bagi jumlah asal yang disalurkan, daripada Lebihan masa depan PRF, secara sekali gus atau ansuran bergantung pada Lebihan masa depan yang diperolehi dan jumlah Qard yang diberikan.

Walau apa pun yang dinyatakan di atas, sekiranya berlaku penamatan, penyerahan Sijil atau sekiranya berlaku kematian atau TPD Orang Dilindungi, Penuntut Sebenar berhak mendapat bayaran balik untuk sebarang Tabarru' yang tidak digunakan dalam PRF.

5. PERKONGSIAN LEBIHAN DARIPADA PRF

Lebih akan ditentukan dan diisytiharkan, jika ada, oleh Kami. Pengagihan Lebihan akan dibuat selepas setiap akhir tahun kewangan. Tertakluk kepada cadangan oleh aktuari yang dilantik oleh Kami dan jawatankuasa Syariah beserta kelulusan lembaga pengarah Kami, Lebihan akan dikongsi antara Anda dan Kami dalam nisbah 50:50. Bahagian Lebihan Anda akan dikreditkan kepada Anda berdasarkan maklumat perbankan yang Anda berikan kepada Kami. Hak kami ke atas Lebihan adalah berasaskan prinsip Ju'alah.

Walau bagaimanapun, sekiranya Kami tidak dapat menghubungi Anda selepas sedaya upaya berusaha untuk menghubungi Anda dan tiada maklumat perbankan diberikan oleh Anda, maka Anda bersetuju bahawa Kami akan:

- (a) memindahkan bahagian Lebihan Anda kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut sekiranya Lebihan tersebut bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dan ke atas; ATAU
- (b) mendermakan bahagian Lebihan Anda bagi apa-apa tujuan kebajikan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami sekiranya Lebihan tersebut bernilai kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10).

Anda perlu memaklumkan kepada Kami mengenai sebarang perubahan kepada maklumat perbankan Anda. Dengan itu, selepas pembayaran Lebihan tersebut, liabiliti Kami terhadap pembayaran Lebihan tersebut dianggap dilepaskan.

6. UNDANG-UNDANG BERKUAT KUASA

Sijil ini dan lampirannya ditadbir berlandaskan Syariah dan menurut undang-undang Malaysia. Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif berhubung dengan sebarang tuntutan yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan Sijil ini.

7. CUKAI KERAJAAN DAN/ATAU CAJ/YURAN BERKANUN/PERATURAN YANG DIKENAKAN DAN LAIN-LAIN

Untuk tujuan Klausa ini:

“Cukai” bermaksud sebarang bentuk cukai, levi, impos, duti, caj, yuran, pemotongan atau penahanan cukai Malaysia atau asing yang dikenakan pada masa kini atau masa depan, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana Pihak Berkuasa yang Berkenaan dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai penggunaan dan cukai lain atas apa jua nama, dan sebarang denda atau penalti berhubung dengannya.

“Pihak Berkuasa yang Berkenaan” bermaksud mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa yang memungut cukai.

Sumbangan dan semua wang lain yang perlu dibayar oleh Anda kepada Kami di bawah Sijil ini, termasuk sebarang jumlah yang merupakan bayaran ganti yang perlu Anda bayar kepada Kami adalah tidak termasuk mana-mana Cukai, dan hendaklah dibayar tanpa sebarang tolak selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan atau mengambil kira sebarang tuntutan balasan atau sebarang pemotongan atau penahanan.

Sekiranya Anda diperlukan di bawah undang-undang untuk membuat sebarang potongan atau penahanan daripada Sumbangan dan/atau semua wang lain yang perlu dibayar kepada Kami di bawah Sijil ini berhubung dengan sebarang Cukai atau selainnya, jumlah yang perlu Anda bayar yang membabitkan pemotongan atau penahanan tersebut hendaklah ditambah supaya Sumbangan bersih dan/atau jumlah bersih wang yang Kami terima adalah sama dengan apa yang Kami patut terima jika tiada pemotongan atau penahanan diperlukan atau dibuat.

Sebagai tambahan kepada Sumbangan dan semua wang lain yang perlu dibayar, Anda hendaklah membayar kepada Kami semua Cukai yang berkaitan dan/atau sebarang amaun yang Kami tentukan untuk menampung sebarang pembayaran/liabiliti/kewajipan Cukai yang berhubung dengannya, tanpa sebarang tolak selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang penolakan atau mengambil kira sebarang tuntutan balas atau sebarang pemotongan atau penahanan, selain daripada sebarang Cukai yang mungkin diwajibkan di bawah sebarang undang-undang yang perlu Anda bayar secara langsung kepada mana-mana Pihak Berkuasa yang Berkenaan, dan Anda hendaklah membayar terus kepada Pihak Berkuasa yang Berkenaan.

Jika pada bila-bila masa sesuatu pelarasan dibuat atau perlu dibuat di antara Kami dan pihak berkuasa cukai berhubung dengan sebarang jumlah yang telah dibayar sebagai Cukai yang berbangkit daripada sebarang bekalan yang dibuat atau dianggap telah dibuat atau perkara lain yang berkaitan dengan Sijil ini oleh pihak Kami, pelarasan yang sesuai boleh dilakukan di antara Kami dan Anda dan dalam keadaan itu, sebarang pembayaran yang diperlukan untuk melaksanakan pelarasan tersebut hendaklah dibuat.

Anda dengan ini bersetuju untuk melakukan semua perkara munasabah yang Kami minta untuk membantu Kami memenuhi kewajipan di bawah sebarang undang-undang berkuat kuasa yang mana Cukai dikenakan. Sekiranya Cukai baru diperkenalkan dan Cukai tersebut perlu dikenakan ke atas transaksi yang dipertimbangkan dalam Sijil ini, Anda bersetuju untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Kami untuk membantu Kami memenuhi kewajipan di bawah undang-undang berkaitan.

Anda hendaklah menanggung kerugian Kami dan melindungi Kami daripada sebarang liabiliti yang timbul akibat sebarang pelanggaran kewajipan di pihak Anda untuk membayar Cukai yang dinyatakan di dalam Sijil ini, bersama semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada pelanggaran tersebut. Tiada apa-apa dalam Sijil ini yang memerlukan Kami untuk membayar sebarang jumlah denda, penalti atau jumlah lain yang menjadi tanggungjawab Anda.

Untuk mengelakkan keraguan, pihak-pihak dalam Sijil ini bersetuju bahawa sebarang jumlah yang perlu dibayar atau jumlah yang akan digunakan dalam pengiraan wang yang perlu dibayar yang dinyatakan di bahagian lain dalam Sijil ini telah ditetapkan tanpa mengambil kira dan tidak termasuk amaun yang harus ditambah di bawah Klausula ini untuk Cukai.

#### 8. MATA WANG

Semua amaun yang perlu dibayar kepada atau daripada Dana Takaful yang Kami uruskan perlu dibayar dalam mata wang sah Malaysia, iaitu "RINGGIT MALAYSIA (RM)".

#### 9. PEMATUHAN SYARAT-SYARAT

Anda perlu mematuhi dan memenuhi semua syarat yang terkandung dalam Sijil ini yang berkaitan dengan sebarang perkara yang perlu Anda lakukan atau tidak lakukan, sebelum Kami bertanggjawab untuk membuat bayaran menggunakan Dana Takaful di bawah Sijil ini.

#### 10. AMAUN YANG PERLU DIBAYAR KEPADA KAMI

Sebelum Kami membuat sebarang pembayaran daripada Dana Takaful menurut Sijil ini, Kami berhak untuk memotong sebarang Sumbangan yang tertunggak, caj atau amaun lain yang perlu dibayar kepada Kami di bawah Sijil ini.

#### 11. SALAH NYATA UMUR

Umur Kemasukan dikira mengikut tarikh lahir yang dinyatakan semasa permohonan Sijil ini. Pada bila-bila masa apabila berlaku sebarang tuntutan, jika Umur Kemasukan Orang Dilindungi didapati disalahnyatakan, maka Kami akan membuat pelarasan berasaskan yang berikut:

- (a) Jika sumbangan dan amaun Tabarru' berasaskan umur sebenar Orang Dilindungi adalah lebih tinggi daripada Sumbangan dan amaun Tabarru' yang telah dibayar dan ditolak, Kami akan mengubah Manfaat yang perlu dibayar dan peruntukan Lebihan di bawah Sijil ini mengikut perbezaan antara amaun Tabarru' sebenar yang dibayar dan amaun Tabarru' yang sepatutnya dibayar untuk Sijil ini;



- (b) Jika sumbangan dan amaun Tabarru' berasaskan umur sebenar Orang Dilindungi adalah lebih rendah daripada Sumbangan dan amaun Tabarru' yang telah dibayar dan ditolak, maka perbezaan antara Sumbangan dan amaun Tabarru' akan dipulangkan dan dikreditkan kepada Anda.

Sekiranya Orang Dilindungi tidak layak untuk dilindungi di bawah Sijil ini kerana umur sebenarnya, Kami akan mengelakkan Sijil dan memulangkan sebarang caj takaful dan yuran yang telah ditolak.

Sekiranya Kami belum menentukan kesahihan Umur Kemasukan Orang Dilindungi, Kami berhak untuk meminta bukti umur Orang Dilindungi sebelum membuat sebarang bayaran di bawah Sijil ini.

#### 12. SALAH NYATA JANTINA

Jantina Orang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual I atau sebarang Pengendorsan dipercayai merupakan jantina sebenar Orang Dilindungi. Jika jantina Orang Dilindungi disalahkan, sebarang Manfaat yang perlu dibayar di bawah Sijil ini akan dilaraskan seperti yang perlu dibayar jika jantina sebenar telah dinyatakan.

#### 13. MASTAUTIN, PERJALANAN DAN PEKERJAAN

Sijil ini tidak mengenakan sebarang sekatan terhadap Anda berhubung dengan tempat mastautin, pekerjaan atau perjalanan.

#### 14. KETIDAKBOLEHPERTIKAIAN

Kami tidak akan mempersoalkan kesahihan Sijil ini sekiranya ia telah berkuat kuasa selama jangka hayat Orang Dilindungi selama lebih dari dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan Sijil melainkan jika terdapat salahnyata palsu atau penyembunyian perkara atau fakta penting dalam permohonan Sijil ini pada atau sebelum Tarikh Permulaan Sijil.

#### 15. TEMPOH BERTENANG

Anda boleh membatalkan Sijil ini secara bertulis untuk sebarang sebab, dengan mengembalikan Sijil kepada Kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Sijil kepada Anda. Sijil hendaklah dianggap telah dihantar kepada Anda pada tarikh Anda menerima Sijil tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, Sijil ini dianggap telah dikemukakan dengan sewajarnya apabila ia dihantar ke alamat terakhir Anda yang diketahui seperti dalam rekod Kami.

Apabila Sijil ini dikembalikan, Kami akan memulangkan Sumbangan yang telah dibayar ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang mungkin telah ditanggung oleh Kami. Selepas itu, liabiliti Kami di bawah Sijil ini akan terhenti.

#### 16. PEMILIKAN

Anda ialah pemilik Sijil ini. Selagi Sijil ini masih berkuat kuasa, hanya Anda boleh melaksanakan mana-mana hak, keistimewaan dan pilihan yang disediakan di bawah Sijil tanpa menjejaskan hak mana-mana pemegang serah hak (menurut Penyerahan Hak seperti yang dinyatakan di dalam Klausula 17.5 Bahagian A yang telah dimaklumkan kepada kami) atau untung yang menjadi hak mana-mana penama.

#### 17. PENAMAAN DAN PENYERAHAN HAK

17.1 Anda boleh menamakan seorang individu untuk menerima Manfaat yang perlu dibayar di bawah Sijil ini apabila Anda meninggal dunia, sama ada sebagai wasi, atau sebagai waris di bawah Hibah Bersyarat dengan memberikan maklumat nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor sijil lahir dan alamat penama secara bertulis kepada Kami. Penamaan tersebut boleh dibuat atas nama seorang (1) atau beberapa orang. Penamaan hendaklah disaksikan oleh seseorang yang Kompeten yang mana bukan penama yang dinamakan di dalam ini.

17.2 Penama yang dipilih sebagai wasi hendaklah mengagihkan Manfaat menurut:

- (a) Wasiat Anda atau jika tiada wasiat dibuat, menerusi Akta Pembahagian 1958, sekiranya anda bukan beragama Islam, yang mana berkenaan; atau

- (b) Undang-undang Faraid Islam jika Anda beragama Islam.

17.3

- (a) Sekiranya terdapat lebih daripada seorang (1) penama yang Anda namakan sebagai waris (Hibah Bersyarat), Anda boleh mengarahkan bahawa setiap penama dibayar peratusan tertentu Manfaat seperti yang dinyatakan dalam borang penamaan. Sekiranya tiada arahan daripada Anda, Kami akan membayar penama secara sama rata.
- (b) Hibah Bersyarat akan diperlakukan sesuai dengan kehendak dalam Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA). Perlu diberi perhatian bahawa Manfaat yang dipindahkan di bawah Hibah Bersyarat tidak akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka Anda selepas kematian Anda atau tertakluk kepada pembayaran hutang Anda atau tertakluk kepada Faraid.
- (c) Sekiranya terdapat lebih daripada seorang (1) penama dan mana-mana satu penama yang dinamakan sebagai waris di bawah Hibah Bersyarat ini meninggal dunia lebih awal daripada Anda, Kami akan membayar bahagian penama yang meninggal dunia, apabila Anda meninggal dunia, kepada harta pusaka Anda, melainkan Anda telah membuat penamaan seterusnya untuk menggantikan penama yang telah meninggal dunia.

17.4

- (a) Penamaan akan dibatalkan:
  - (i) apabila penama meninggal dunia, atau jika terdapat lebih daripada seorang (1) penama, apabila semua penama meninggal dunia, semasa Hayat Anda;
  - (ii) menerusi notis bertulis yang Anda berikan kepada Kami di Ibu Pejabat Kami; atau
  - (iii) menerusi sebarang penamaan selanjutnya yang Anda buat.
- (b) Tertakluk kepada sub-klausula 17.4(a) di atas, sila ambil perhatian bahawa penamaan tidak boleh dibatalkan menerusi wasiat atau sebarang tindakan, peristiwa atau cara lain.

- 17.5 Anda boleh menyerahkan hak Sijil ini dengan memfailkan notis bertulis kepada Kami di Ibu Pejabat Kami. Kami tidak dan tidak akan bertanggungjawab terhadap kesahihan atau kecukupan sebarang Serah Hak, caj atau urusan lain Anda berhubung dengan Sijil ini.

Walaupun terdapat pemegang serah hak di bawah sub-perenggan 17.5, apabila Manfaat, secara sepenuhnya atau sebahagiannya telah disandarkan sebagai cagaran atau diserahkan haknya kepada seseorang, tuntutan orang yang berhak tersebut di bawah cagaran atau pemegang serah hak diberi keutamaan berbanding tuntutan penama, selagi hak di bawah cagaran atau Penyerahan Hak telah dipelihara. Kami kemudiannya akan membayar baki Manfaat kepada penama.

- 17.6 Apabila seseorang adalah tidak Kompeten dan tiada jawatankuasa harta pusaka telah dilantik, atau beliau tidak berupaya, disebabkan kelemahan minda atau badan, untuk menguruskan diri dan harta benda dan hal ehwal peribadinya, Kami:

- (a) dalam kes penama yang menerima Manfaat sebagai penerima manfaat di bawah Hibah Bersyarat, akan membayar Manfaat kepada ibu bapa penama tidak berupaya tersebut, dan jika ibu bapa penama tidak berupaya dari segi undang-undang sudah meninggal dunia:
  - (i) sekiranya Manfaat tidak melebihi Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000.00), akan membayar Manfaat kepada penuntut yang meyakinkan Kami bahawa beliau akan menggunakan Manfaat untuk saraan dan manfaat penama, tertakluk kepada tandatangan perjanjian oleh penuntut bahawa Manfaat akan digunakan semata-mata untuk saraan dan manfaat penama; dan

- (ii) sekiranya Manfaat melebihi Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000.00), akan membayar manfaat kepada pemegang amanah atau syarikat amanah yang Anda namakan.
- 17.7 Sekiranya penama gagal menuntut Manfaat dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh Kami maklum tentang kematian Orang Dilindungi walaupun pemberitahuan telah diberikan:
- (a) dalam kes penama yang dilantik sebagai wasi, Kami akan menguruskan Manfaat seolah-oleh tiada penamaan dibuat; atau
  - (b) dalam kes penama yang dinamakan sebagai waris di bawah Hibah Bersyarat, Manfaat yang perlu dibayar kepada penama tersebut akan diserahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut menurut peruntukan Akta Wang Tidak Dituntut 1965.
- 17.8 Sekiranya penama meninggal dunia selepas kematian Anda, tetapi sebelum sebarang Manfaat telah dibayar kepadanya sebagai penama, Kami akan membayar Manfaat kepada:
- (a) harta pusaka Anda jika penama adalah seorang wasi; atau
  - (b) harta pusaka penama yang meninggal dunia jika penama ialah waris di bawah Hibah Bersyarat.
- 17.9 Setelah Kami membayar sepenuhnya Manfaat kepada penama yang dinamakan dalam Sijil, sama ada penama menerima Manfaat sebagai wasi atau sebagai waris di bawah Hibah Bersyarat, Kami akan dilepaskan daripada liabiliti untuk membayar Manfaat yang perlu dibayar di bawah Sijil ini.
- 17.10 Dalam apa jua keadaan sekali pun, Kami tidak akan terikat atau terlibat untuk memastikan pelaksanaan sebarang Manfaat yang telah dibayar berhubung dengan mana-mana pihak.

#### 18. PENAMATAN

Sijil ini akan tamat:

- (a) pada Tarikh Matang/Akhir Sijil;
- (b) apabila penyelesaian penuh Jumlah Perlindungan Asas bagi Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Orang Dilindungi;
- (c) apabila Orang Dilindungi meninggal dunia;
- (d) apabila Sijil diserahkan atau dibatalkan atas apa jua sebab;
- (e) jika Sijil luput atau ditamatkan menurut peruntukan yang terkandung dalam Sijil ini; atau
- (f) selepas penyelesaian penuh tuntutan sah bagi Manfaat Sijil Asas menurut peruntukan yang diguna pakai bagi Manfaat;

yang mana berlaku terlebih dahulu. Selepas itu, Anda tidak boleh membuat sebarang tuntutan lanjut terhadap Kami berhubung dengan Sijil ini atau sebarang isu lain yang mungkin timbul pada atau selepas tarikh penamatan tersebut. Penamatan tersebut tidak akan menjejaskan sebarang tuntutan yang berlaku sebelum tarikh penamatan.

#### 19. PEMBAYARAN MANFAAT SIJIL

Sebelum sebarang Manfaat dibayar di bawah Sijil ini, Anda atau Penuntut Sebenar, yang mana berkenaan, hendaklah memberikan bukti, maklumat, sijil dan semua dokumen lain yang berkaitan dan relevan yang dianggap perlu ("Dokumen Tuntutan") termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Sijil ini;
- (b) semua borang berkaitan yang Kami bekalkan, yang telah diisi dengan lengkap;

- (c) bukti hubungan Penuntut Sebenar;
- (d) bukti berlakunya peristiwa yang dilindungi Takaful di bawah Sijil ini; dan
- (e) bukti umur Orang Dilindungi.

Pengeluaran bukti di atas hendaklah diperolehi atas kos dan perbelanjaan Anda atau Penuntut Sebenar (yang mana berkenaan). Manfaat di bawah Sijil ini akan dibayar kepada Anda, Wakil Sah di Sisi Undang-Undang, penama atau pemegang serah hak yang sah, yang mana berkenaan. Sijil ini ditamatkan selepas Kami membayar Manfaat secara sepenuhnya menurut Sijil ini.

Anda dengan ini bersetuju dan memberikan kebenaran secara nyata bahawa Kami berhak untuk menyiasat selanjutnya Dokumen Tuntutan (seperti dinyatakan di atas) yang diberikan oleh pihak Anda atau Penuntut Sebenar (yang mana berkenaan) dengan hospital, pihak berkuasa atau mana-mana badan atau orang lain yang berkenaan dan berkaitan dengan tuntutan.

#### 20. NOTIS DAN SURAT-MENYURAT

Sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat yang perlu Kami berikan kepada Anda akan dihantar kepada Anda menerusi pos atau kaedah elektronik ke alamat terakhir Anda yang diketahui dalam rekod Kami, dan komunikasi tersebut hendaklah dianggap diterima oleh Anda.

#### 21. PENYERAHAN/PEMBATALAN

Anda boleh menyerahkan atau membatalkan Sijil pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Pembatalan Sijil ini akan berkuat kuasa dari Tarikh Sumbangan Perlu Dibayar yang berikutnya. Selepas penyerahan atau pembatalan Sijil, tiada nilai serahan akan dibayar. Anda mungkin menerima bahagian Lebihan daripada PRF, jika ada.

#### 22. SUMBANGAN PERTAMA

Sumbangan pertama hendaklah dianggap telah diterima pada Tarikh Permulaan Sijil seperti yang dinyatakan dalam Jadual I. Kami berhak untuk tidak memperuntukkan mana-mana bahagian Sumbangan pertama ke PRF sehingga tamatnya Tempoh Bertenang seperti yang dinyatakan dalam Klausula 15 Bahagian A. Sumbangan pertama selepas itu akan diperuntukkan ke dalam PRF berdasarkan kepada peruntukan Sumbangan seperti yang dinyatakan dalam Jadual II.

#### 23. APABILA SUMBANGAN TIDAK DIBAYAR

Sekiranya Sumbangan tetap tidak dibayar setelah berakhirnya Tempoh Ihsan seperti yang disebut dalam Klausula 24 Bahagian A, Sijil ini akan luput dan tiada Manfaat akan dibayar.

#### 24. TEMPOH IHSAN

Tempoh ihsan selama tiga puluh (30) hari dari Tarikh Sumbangan Perlu Dibayar yang berikutnya dibenarkan bagi pembayaran Sumbangan berikutnya dan sekiranya berlaku kematian atau TPD Orang Dilindungi dalam tempoh ini sebelum Sumbangan berikutnya dibayar, Sijil tetap sah dan berkuat kuasa seolah-olah Sumbangan berikutnya telah dibayar. Jika sebarang Sumbangan berikutnya masih tidak dibayar selepas tamatnya Tempoh Ihsan, maka Klausula 23 Bahagian A akan diguna pakai.

#### 25. PENGEMBALIAN SEMULA

Anda boleh memohon untuk mengembalikan semula Sijil ini sebelum Tarikh Matang/Akhir Sijil, dengan syarat Anda belum menyerahkan Sijil ini. Pengembalian semula Sijil ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat pengunderaitan Kami, selepas Anda memberikan Kami bukti-bukti lain seperti yang Kami perlukan dan pembayaran sumbangan yang ditentukan oleh Kami.

Jika selepas pengembalian semula Sijil ini, sebarang kenyataan, dokumen, maklumat berkaitan Sijil ini didapati telah disalahnyatakan secara Sengaja/Melulu (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 2.2 Sijil ini) atau Disalahnyatakan secara Cuai/Ikhlas (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 2.3 Sijil ini) kepada Kami, maka Klausula 2.2 Sijil ini dan Klausula 2.3 Sijil ini akan digunapakai.

Bagi tujuan Klausula ini, semua rujukan kepada perkataan “mengeluarkan”, “dikeluarkan”, “Tarikh Permulaan” dan “dari permulaan” dalam Klausula 2.2 dan 2.3 Sijil ini perlu diganti dengan “mengembalikan semula”, “dikembalikan semula”, “tarikh pengembalian semula” dan “dari pengembalian semula” masing-masing.

**26. PERUBAHAN RISIKO**

Anda hendaklah memberikan notis serta-merta secara bertulis kepada Kami tentang sebarang perubahan penting yang mempengaruhi risiko termasuk tetapi tidak terhad kepada pekerjaan, perniagaan atau tugas sebenar Anda. Kami berhak untuk mengubah Sijil menurut Klausula 28 Bahagian A atau mengubah amaun Sumbangan dan/atau Tabarru' dengan sewajarnya dimana Anda perlu membayar caj tambahan yang mungkin Kami tetapkan.

**27. SUBROGASI**

Jika PRF yang Kami uruskan perlu menanggung liabiliti bagi sebarang pembayaran di bawah Sijil ini, Kami akan menerima subrogasi setakat pembayaran untuk semua hak dan remedi Anda ke atas mana-mana pihak dan Kami berhak atas perbelanjaan sendiri untuk menyaman di bawah nama Anda. Anda hendaklah memberikan atau berusaha agar diberikan kepada Kami segala bantuan yang mampu Anda berikan seperti yang Kami perlu untuk mendapatkan hak dan remedi dan permintaan Kami akan melaksanakan atau menyebabkan pelaksanaan semua dokumen yang diperlukan untuk membolehkan Kami mengemukakan saman secara berkesan atas nama Anda.

**28. PERUBAHAN**

Kami boleh mengubah Sijil ini sekiranya perubahan diperlukan terhadap terma dan syarat Sijil ini, dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari secara bertulis terlebih dahulu kepada Anda. Perubahan hanya sah dengan Pengendorsan yang dikeluarkan oleh Kami.

**29. PEMBAHARUAN AUTOMATIK TANPA PENGUNDERAITAN**

Setelah Sijil ini tamat, dan dengan syarat tiada pelanggaran terhadap semua atau sebarang syarat berkaitan Sijil ini dan sebagaimana yang terkandung dalam Sijil ini atau sebarang Pengendorsan, Sijil ini akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh satu (1) tahun tanpa sebarang pengunderaitan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) umur maksimum Orang Dilindungi adalah enam puluh dua (62) tahun pada hari jadi berikutnya, pada masa pembaharuan;
- (b) Sijil tidak diperbaharui sebanyak dua (2) kali;
- (c) tiada salah nyata atau penipuan fakta material seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 2.2 dan 2.3 Bahagian A;
- (d) tiada tuntutan telah diluluskan dan dibayar di bawah Sijil ini;
- (e) Sijil tidak ditamatkan mengikut Klausula 18 Bahagian A; dan
- (f) sumbangan yang perlu dibayar akan tetap sama pada masa pembaharuan tertakluk kepada Klausula 31 Bahagian A.

Anda perlu memaklumkan kepada Kami secara bertulis sekiranya Anda tidak mahu melaksanakan pilihan ini sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum Tarikh Matang/Akhir Sijil.

**30. SEKATAN HAD DAN PENGECUALIAN**

Walau apa pun yang terkandung di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, Kami tidak boleh dianggap sebagai memberikan sebarang perlindungan dan tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau memberikan sebarang manfaat setakat mana pemberian perlindungan tersebut, bayaran tuntutan atau penyediaan manfaat tersebut akan mendedahkan Pengendali Takaful kepada sebarang pelanggaran sekatan, larangan atau halangan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau mana-mana undang-undang atau peraturan lain yang diguna pakai di dalam negara.

31. PERUBAHAN DALAM KADAR, CAJ DAN YURAN

Kami berhak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk menyemak semula amaun Tabarru', amaun sumbangan dan/atau sebarang caj atau yuran yang perlu dibayar dibawah Sijil ini atau, mengenakan sebarang caj atau yuran baru, dengan syarat Kami memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari kepada Anda. Kadar yang disemak semula hanya sah dengan Pengendorsan yang dikeluarkan oleh Kami.

32. PEMBUBARAN WAKALAH

Pembubaran Wakalah hanya akan terjadi sekiranya mana-mana yang berikut berlaku:

- (a) sekiranya Sijil dielakkan seperti yang dinyatakan di dalam Klausula 2.2, 2.3 dan 11 Bahagian A; atau
- (b) sekiranya berlaku penamatan Sijil seperti yang dinyatakan dalam Klausula 18 Bahagian A.

Sekiranya Sijil dielakkan, Kami akan memulangkan Yuran Wakalah yang telah dibayar, kepada Anda. Selepas itu, liabiliti Kami di bawah Sijil ini dianggap dilepaskan. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku penamatan Sijil, Yuran Wakalah akan dikekalkan oleh Kami.

33. SALAH LAKU ATAU KECUAIAN

Kami berusaha untuk menguruskan Dana Takaful dan operasi Takaful secara berhemah dan mengikut Syariah. Walau bagaimanapun, salah laku atau kecuaiian mungkin berlaku semasa Sijil ini berkuat kuasa. Berikut adalah beberapa keadaan tetapi tidak terhad kepada:

- (a) pengurusan aset dan pelaburan yang bertentangan dengan mandat pelaburan atau dasar yang diluluskan;
- (b) kegagalan untuk memastikan pengiriman Sumbangan yang tepat pada masanya oleh ejen-ejen Kami walaupun peserta membayar Sumbangan tepat pada masanya; atau
- (c) pendedahan yang tidak tepat terhadap risiko yang ditanggung oleh peserta.

Sekiranya berlaku kejadian salah laku atau kecuaiian, Kami akan bertanggungjawab sepenuhnya dan mengambil tindakan pemulihan sewajarnya termasuk pemulihan defisit atau kerugian kepada Dana Takaful melalui pemindahan secara langsung daripada dana Pengendali Takaful.

34. KEBERASINGAN

Jika mana-mana peruntukan atau sebahagian daripada peruntukan Sijil ini akan dipegang atau didapati terbatal, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, ia hendaklah dianggap dipotong daripada Sijil ini. Bagaimanapun, baki peruntukan itu masih berkuat kuasa.

35. DOKUMEN

Sekiranya terdapat sebarang konflik atau ketidakseragaman antara mana-mana kandungan Sijil ini dengan mana-mana dokumen (jika ada), kandungan Sijil ini akan digunakan.

## **BAHAGIAN B: MANFAAT DI BAWAH SIJIL ASAS**

### **1. PEMBERIAN MANFAAT**

Sebagai pertimbangan kepada pembayaran Sumbangan kepada Kami dan sentiasa dengan syarat bahawa semua Sumbangan telah dibayar dengan sewajarnya dan dengan syarat selanjutnya bahawa Sijil Asas ini masih berkuat kuasa dan efektif, Kami akan membayar Manfaat yang dinyatakan di bawah, sentiasa tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam Sijil ini. Walau apa pun peruntukan yang menyatakan sebaliknya, sekiranya mana-mana Pengendorsan dikeluarkan yang mengubah terma Sijil ini, maka pembayaran di bawah Sijil ini akan diubah dengan sewajarnya.

### **2. MANFAAT KEMATIAN**

2.1 Apabila Orang Dilindungi meninggal dunia, Jumlah Perlindungan Asas dijamin akan dibayar daripada PRF tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Bahagian C Sijil Asas ini. Selepas pembayaran penuh Manfaat Kematian, Sijil Asas ini tidak lagi berkuat kuasa.

2.2 Manfaat Kematian akan dibayar kepada Penuntut Sebenar, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Bahagian C Sijil Asas ini.

### **3. MANFAAT HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL (TPD)**

Apabila Orang Dilindungi mengalami TPD sebelum Tarikh Akhir/Matang Sijil, Jumlah Perlindungan Asas dijamin akan dibayar daripada PRF kepada Anda, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Bahagian D Sijil Asas ini. Selepas pembayaran penuh Manfaat TPD, Sijil Asas ini tidak lagi berkuat kuasa.

**Halaman yang selebihnya sengaja dibiarkan kosong**

## **BAHAGIAN C: SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN KE ATAS MANFAAT KEMATIAN**

1. **PEMBAYARAN MANFAAT**  
Semasa Sijil Asas ini masih berkuat kuasa dan efektif, selepas menerima bukti kematian Orang Dilindungi, Kami akan membayar Manfaat Kematian dalam satu (1) jumlah sekali gus.
2. **PEMBERITAHUAN**  
Sebaik selepas berlakunya kematian Orang Dilindungi, Penuntut Sebenar hendaklah memaklumkan kepada Kami secara bertulis dengan butiran penuh untuk tuntutan Manfaat Kematian.
3. **PENGECUALIAN**  
Tiada pembayaran Manfaat Kematian kecuali Tabarru' yang tidak digunakan (jika ada) akan dibayar jika kematian berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Permulaan Sijil atau sebarang tarikh pengembalian semula Sijil, yang mana kemudian, tanpa mengira keadaan mental semasa perlakuan bunuh diri.
4. **SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN**  
Sebelum Kami membuat sebarang pembayaran Manfaat Kematian, syarat-syarat berikut perlu dipenuhi oleh pihak Penuntut Sebenar:
  - (a) menunjukkan bukti kepada Kami tentang tarikh lahir Orang Dilindungi dan kematian Orang Dilindungi dan sebarang dokumen yang berkaitan dan relevan untuk membuktikan kematian Orang Dilindungi yang Kami anggap sebagai diperlukan, sentiasa dengan syarat bahawa Kami berhak untuk menentukan kesahihan dokumen tersebut jika perlu dan mengesahkan keadaan yang menimbulkan kematian Orang Dilindungi, yang diperolehi atas kos dan perbelanjaan Penuntut Sebenar; dan
  - (b) menunjukkan bukti kelayakan untuk tuntutan.
5. **SIJIL TAMAT SELEPAS KEMATIAN**  
Untuk mengelakkan keraguan, dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa selepas kematian Orang Dilindungi, Sijil ini tidak lagi berkuat kuasa dan semua Manfaat lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini tidak lagi diguna pakai atau perlu dibayar.

**Halaman yang selebihnya sengaja dibiarkan kosong**



## **BAHAGIAN D: SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN KE ATAS MANFAAT HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL**

### **1. DEFINISI HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL**

1.1 "Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal" atau "TPD" atau "Hilang Upaya" bermaksud hilang upaya yang kekal dan berterusan Orang Dilindungi akibat kecederaan atau penyakit untuk melakukan atau melibatkan diri dalam sebarang kerja berhasul, pekerjaan atau perniagaan untuk mendapatkan sebarang upah, pampasan atau keuntungan.

1.2 "Hilang Upaya Andaian" bermaksud berlakunya mana-mana Hilang Upaya berikut:

- (a) hilang penglihatan kedua-dua mata secara menyeluruh dan kekal;
- (b) hilang dua anggota akibat putus pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau
- (c) hilang penglihatan satu mata secara menyeluruh dan kekal dan hilang satu anggota akibat putus pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali.

1.3 "Aktiviti Kehidupan Harian" atau "ADL" ditakrifkan seperti berikut:

- (a) Tukar kedudukan: duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (b) Pergerakan: keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (c) Kontinens: keupayaan untuk mengawal pembuangan air besar dan kecil bagi menjaga kebersihan diri.
- (d) Memakai Pakaian: memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- (e) Mandi/Membersihkan Diri: keupayaan untuk membersihkan diri di bilik mandi atau pancuran air (termasuk keluar masuk bilik mandi atau pancuran) atau membersihkan diri dengan sebarang cara lain.
- (f) Makan: semua pergerakan untuk memasukkan makanan ke dalam badan selepas makanan disediakan.

1.4 Untuk membolehkan Kami menentukan untuk tujuan tuntutan, sama ada Hilang Upaya Orang Dilindungi bersifat menyeluruh dan kekal, Hilang Upaya tersebut perlu berterusan selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh Hilang Upaya kecuali dalam kes Hilang Upaya Andaian di mana Kami serta-merta mengiktiraf Hilang Upaya tersebut sebagai menyeluruh dan kekal.

1.5 Jika Orang Dilindungi tidak bekerja atau tidak terlibat dalam sebarang kerja berhasul, pekerjaan atau perniagaan atau telah bersara secara kekal pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan sebelum Hilang Upaya, Orang Dilindungi akan dianggap sebagai hilang upaya menyeluruh dan kekal jika Orang Dilindungi tidak dapat melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) ADL yang dinyatakan di dalam Klausula 1.3 Bahagian D, sama ada dengan atau tanpa penggunaan peralatan mekanikal, kelengkapan khas atau bantuan dan penyesuaian lain yang digunakan untuk orang kurang upaya.

### **2. PEMBAYARAN MANFAAT**

2.1 Walau apa pun yang terkandung di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, jika Orang Dilindungi mengalami TPD seperti yang dinyatakan dalam Klausula 1 Bahagian D sebelum Tarikh Matang/Akhir Sijil, Manfaat TPD akan dibayar dalam satu (1) jumlah sekali gus selepas mendapat pengesahan bertulis daripada mana-mana Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Kami berkenaan Hilang Upaya berterusan yang dinyatakan. Setelah penerimaan dan pengesahan bukti Hilang Upaya oleh Kami, Tabarru' dibawah Sijil Asas ini akan terhenti.

- 2.2 Tabarru' yang ditolak untuk Sijil Asas ini selepas tarikh permulaan Hilang Upaya Orang Dilindungi dan sebelum penerimaan dan pengesahan bukti Hilang Upaya oleh Kami, jika ada, akan dikembalikan semula bersama-sama dengan manfaat yang akan dibayar tanpa faedah.
- 2.3 Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya yang terkandung di dalam ini, dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa agregat yang perlu dibayar bagi TPD di bawah Sijil Asas ini dan semua sijil lain, jika ada, yang menyediakan perlindungan TPD bagi Orang Dilindungi, sama ada yang sudah dikeluarkan atau akan dikeluarkan, tidak akan melebihi Ringgit Malaysia Lapan Juta (RM8,000,000) ("Had TPD") pada masa Orang Dilindungi mengalami TPD.
- 2.4 Jika agregat yang perlu dibayar bagi TPD di bawah Sijil Asas ini melebihi Had TPD, hanya Had TPD akan dibayar dan baki Manfaat TPD di bawah Sijil Asas ini akan dibayar pada masa kematian Orang Dilindungi. Baki Manfaat TPD tidak akan dibayar pada Tarikh Matang/Akhir Sijil.

### 3. PEMBERITAHUAN

Sebaik selepas berlakunya TPD, Kami perlu dimaklumkan secara bertulis dengan butiran penuh bersama alamat dan lokasi semasa Orang Dilindungi.

### 4. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- (a) Dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh berlakunya TPD, bukti Hilang Upaya tersebut hendaklah diberikan kepada Kami atas kos dan perbelanjaan Anda atau Penuntut Sebenar (yang mana berkenaan).
- (b) Anda atau Penuntut Sebenar (yang mana berkenaan) mesti mengemukakan dokumen Sijil asal ini dan semua dokumen Sijil lain, jika ada, yang meliputi Orang Dilindungi bagi TPD.
- (c) Mana-mana Pengamal Perubatan yang Kami lantik hendaklah dibenarkan memeriksa Orang Dilindungi berhubung dengan sebarang TPD yang didakwa berlaku dengan cara dan pada masa yang ditetapkan sewajarnya oleh Pengamal Perubatan tersebut.
- (d) Jika terdapat kegagalan untuk mematuhi mana-mana satu (1) daripada syarat di atas, tiada tuntutan bagi sebarang Hilang Upaya yang didakwa atau bagi sebarang bayaran di bawah ini boleh dikekalkan terhadap Kami.

### 5. PENGECUALIAN

Tiada bayaran Manfaat TPD perlu dibuat jika TPD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana satu (1) daripada kejadian berikut:

- (a) Kecederaan yang disengajakan diri semasa siuman atau tidak siuman;
- (b) Terlibat dalam penerbangan udara (termasuk terjun payung dan terjun udara) selain sebagai kru atau sebagai penumpang yang membayar tambang pada pesawat komersial yang membawa penumpang berlesen yang beroperasi di laluan berjadual biasa; atau
- (c) Sebarang Keadaan Sedia Ada yang tidak didedahkan kepada Kami berhubung dengan status kesihatan Orang Dilindungi. Perkara ini adalah berkenaan dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Permulaan Sijil. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada Kami selepas dua belas (12) bulan akan diuruskan mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

### 6. SIJIL TAMAT SELEPAS PEMBAYARAN

Untuk mengelakkan keraguan, dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa Sijil ini tidak lagi berkuat kuasa dan semua Manfaat di bawah Sijil ini tidak perlu dibayar selepas pembayaran penuh Manfaat TPD.